



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM PELANCARAN AMALAN SISA SIFAR
TAMAN PERUMAHAN BAGAN LALANG

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN PHEE BOON POH
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa
Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam**

TARIKH / MASA / TEMPAT
20 OKTOBER 2019 (AHAD)
4.30 PETANG

**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR
TAMAN BAGAN LALANG
SEBERANG PEAI UTARA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encil Lim Chee Keong

Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang

Para Penduduk Taman Bagan Lalang

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Amalan Sisa Sifar Taman Perumahan Bagan Lalang.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar kerana sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini dan seterusnya merasmikan Majlis Pelancaran Amalan Sisa Sifar Taman Perumahan Bagan Lalang pada petang yang berbahagia ini. Terima kasih juga kepada Yang Berusaha Encil Lim Chee Keong, Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, pihak pengurusan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang dan para hadirin sekalian terutamanya para penduduk Taman Bagan Lalang yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi*”. Ini adalah selaras dengan yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*”.

MBSP adalah sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” yang memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program MBSP. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada

generasi akan datang yang secara tidak langsung merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.

Warga Seberang Perai hendaklah menjadikan kitar semula sebagai tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti di SPU, SPT dan SPS untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan. Dengan adanya kerjasama daripada perlbagai pihak terutamanya pusat-pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan taman perumahan, kilang-kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai, telah membolehkan MBSP berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 47.15% pada tahun 2018.

Saya mewakili MBSP amat berbesar hati sekiranya banyak lagi kawasan perkampungan mahupun taman-taman perumahan di Seberang Perai mengambil inisiatif mewujudkan pusat-pusat kitar semula atau pusat

sumber alam sekitar. Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti amat penting kerana ia dapat membantu MPSP dalam aspek menjaga kebersihan.

Buat masa ini, terdapat enam (6) Pusat Sumber Alam Sekitar atau Pusat Kejiranan yang telah ditubuhkan di seluruh Seberang Perai iaitu di Taman Pandan dan Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara; Permatang Nibong dan Taman Keenways di Seberang Perai Tengah; dan Puteri Gunung dan Taman Tambun Indah di Seberang Perai Selatan. Kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Sumber Alam Sekitar ini ada kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengkomposan dan kebun kejiranan. Pada tahun 2018 jumlah beratan kompos yang dihasilkan di pusat sumber alam sekitar adalah 11,978.8 kg, manakala beratan barang kitar semula yang dikumpul adalah 318,300 kg.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Program yang diadakan hari ini adalah bertujuan untuk melancarkan Taman Bagan Lalang sebagai Taman Perumahan Sisa Sifar. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada Taman Bagan Lalang atas usaha-usaha yang

telah dijalankan sejak Pusat Sumber Alam Sekitar ini ditubuhkan pada 1 Januari 2011. Pusat Sumber Alam Sekitar ini adalah di antara peneraju pusat-pusat sumber alam sekitar yang lain dan ditubuhkan di bawah inisiatif Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh.

Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang ini pada mula ditubuhkan, amat aktif menjalankan aktiviti pendidikan alam sekitar dan program-program berkonsepkan MBSP memperkenalkan **Smart Consumption Model 8R** iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*. Pihak Jawatankuasa Pusat Sumber Alam Sekitar ini melaksanakan kutipan barangan kitar semula setiap hari Ahad pertama dari rumah ke rumah dan hasil jualan tersebut digunakan untuk kerja-kerja amal. Pengasingan sisa organik dapur telah bermula pada Julai 2018 dan kini sebanyak 191 buah rumah telah terlibat dengan pengasingan sisa organik dapur. Sehingga kini, jumlah kutipan sisa organik dapur yang dikutip ialah sebanyak 31.032 tan.

Program-program yang dilaksanakan oleh Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang bersama MBSP adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk di sekitar Taman Bagan Lalang untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Ianya juga mengajak penduduk untuk bersama-sama memainkan

peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang yang secara tidak langsung merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat. Keterbukaan pihak Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang dalam menerima MBSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pada 17 September 2019, Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Rakan Strategik MBSP yang mana MOU ini menggariskan komitmen antara MBSP dan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang untuk menjadikan Pusat Sumber Alam Sekitar ini sebagai Pusat Pendidikan Masyarakat Sisa Sifar. Sebagai penghargaan, sijil diberikan kepada Penduduk Taman Bagan Lalang yang memberi komitmen dalam menjadikan kawasan taman perumahan ini sebagai kawasan perumahan sisa sifar.

Bagi perancangan menyambut 10 tahun Pusat Sumber Alam Sekitar ini

ditubuhkan, aktiviti penjagaan alam sekitar yang melibatkan golongan belia akan dipertingkatkan. Selain itu juga perancangan bagi mewujudkan '*Growth Community Market*' di pusat ini untuk membolehkan pemasaran sayur organik dan penjualan penghasilan produk yang dibuat secara '*home made*'. Langkah-langkah ini adalah salah satu usaha dalam mengurangkan kesan jejak karbon.

Dengan penglibatan dan sokongan padu penduduk dalam menjalankan kegiatan-kegiatan 8R, pengkomposan, kebun kejiranan, pengumpulan barangan buangan dan juga penghasilan barangan *upcycle* menunjukkan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan dalam mewujudkan komuniti sisa sifar. Sekali lagi SYABAS dan TAHNIAH!

Adalah amat diharapkan kejayaan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang ini menjadi contoh kepada komuniti-komuniti lain untuk mewujudkan komuniti sifar dalam langkah menjaga alam sekitar dan bersama berusaha untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon menjelang 2030.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penduduk Taman Bagan Lalang yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Saya berharap usaha kelestarian hijau Taman Bagan Lalang ini dapat menjadi contoh kepada komuniti-komuniti lain di Seberang Perai.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat seajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar dan juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.